

Turkiye akan bantu bawa keluar 23 rakyat Malaysia dari Israel

Aktivis Sumud Flotilla dibebaskan sehari dua lagi

Oleh FITRI NIZAM
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kesemua 23 rakyat Malaysia dalam misi kemanusiaan Global Sumud Flotilla (GSF) yang ditahan tentera Israel kelmarin dijangka dibebaskan dalam tempoh satu atau dua hari lagi dengan bantuan Kerajaan Turkiye.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau sudah berhubung dengan Recep Tayyip Erdogan semalam, dan Presiden Turkiye itu menugaskan Ketua Keselamatan mereka, Dr. Ibrahim Kalin untuk membantu Malaysia membawa keluar 23 peserta GSF yang ditahan oleh rejim zionis.

Katanya, sepanjang semalam, Dr. Ibra-

him memaklumkan bahawa hubungan Malaysia dengan Turkiye telah memberi manfaat dalam usaha ini.

“Walaupun kita tiada sebarang hubungan dengan rejim zionis Israel, saluran diplomasi dengan negara-negara sahabat banyak membantu.

Bersambung di muka 2

Aktivis Sumud Flotilla dibebas sehari dua lagi

Dari muka 1

“Anak-anak kita di sana semuanya dalam keadaan selamat walaupun ditahan secara zalim. Tugas utama saya ialah mencari jalan untuk menyelamatkan mereka, apa juga cara dan kaedah yang munasabah. Kita juga berdoa agar Allah SWT melindungi mereka,” katanya.

Anwar berkata, dalam perbualan dengan Erdogan, beliau meminta Presiden Turkiye itu membawa keluar rakyat Malaysia dari mana-mana lokasi sekitar Israel ke Istanbul dengan pesawat khas Turkiye yang akan turut mengambil rakyatnya sendiri.

Dari Istanbul, Malaysia akan membawa pulang peserta GSF dan rundingan itu telah mencapai persefahaman sejak awal pagi semalam.

“Itu yang terakhir. Selain daripada itu saya tidak dapat beri jaminan kerana ia melibatkan rejim Israel. Tetapi daripada maklumat yang disampaikan Majlis Keselamatan Turkiye, mereka ini (rakyat Malaysia) akan dibawa bersama tahanan Turkiye.

“Jadi dia bawa pesawat khas dari Turkiye dan saya minta mereka bawa bersama anak-anak Malaysia ke Istanbul. Itu (proses membawa pulang rakyat Malaysia) dalam satu dua hari ini. Dari pagi tadi, nampak beberapa persefahaman sudah dicapai,” katanya yang turut menghubungi rakan sejawatan dari Qatar, Sheikh Mohammed Bin Abdulrahman Al-Thani untuk mendapatkan perkembangan terkini berhubung situasi rakyat Malaysia yang ditahan, selain terus berhubung dengan Amerika Syarikat (AS) termasuk Setiausaha Negara, Marco Rubio.

Malaysia kata Anwar, akan terus memantau perkembangan terkini menggunakan segala kebijaksanaan diplomasi



ANWAR Ibrahim melawat gerai makan di Bazar Pantai selain menyantuni wakil peniaga dan pengunjung di Pantai Dalam, Kuala Lumpur semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

untuk membawa pulang semua peserta GSF yang ditahan dengan selamat.

“Kita berhubung rapat dengan semua pihak, kerana yang benar-benar boleh mempengaruhi Israel itu adalah Amerika Syarikat. Oleh itu, kita menggunakan saluran Qatar dan Turkiye untuk menyampaikan pandangan kita,” katanya.

Semalam tentera Israel menahan semua lebih 400 aktivis GSF termasuk 23 rakyat Malaysia yang menyertai misi kemanusiaan itu selepas kapal mereka dipintas kurang 100 batu nautika dari Gaza kelmarin.

Sementara itu Pengarah Undang-Undang The Legal Centre for Arab Minorities Right (ADALAH), Suhad Bishara, berkata pasukannya menunggu ketibaan kumpulan aktivis yang ditahan pada malam sebelumnya di pelabuhan Ashdod, kira-kira 40 kilometer di utara Gaza.

Katanya kepada Reuters pada Khamis, sebaik tiba, mereka akan

dikenal pasti dan dipindahkan ke bawah bidang kuasa pihak Imigresen untuk proses pengusiran.

“Aktivis dijangka ditahan di Penjara Ketziot di selatan Israel. Penjara Ketziot merupakan fasiliti keselamatan tinggi yang jarang digunakan untuk tahanan imigresen.

“Tindakan luar biasa ini mencetuskan kebimbangan dalam kalangan kumpulan hak asasi dan pemerhati antarabangsa. Kebimbangan utama kami sekarang ialah keselamatan dan tahap kesihatan para aktivis ini.

“Kami juga mahu memastikan mereka mendapat nasihat guaman sebelum dan semasa perbicaraan di Tribunal Imigresen, serta ketika ditahan dalam penjara Israel,” katanya.

Pakar undang-undang antarabangsa dari Universiti Sciences Po, Paris, Omer Shatz, menjelaskan penggunaan Penjara Ketziot untuk menempatkan aktivis flotilla adalah sesuatu yang luar biasa.